

Wan Farid W Ahmad

From: Norhasimah Ibrahim
Sent: Thursday, 28 July, 2022 12:55 PM
To: Wan Farid W Ahmad
Cc: Wan Fazlin Nadia Wan Osman; Dr. Noor Aishah Hassan; Hafizoh Md Aris; Shanthini Tamadoram; Putri Dhia Nathasya Mohammad Yusoff; Roslinda Ahmad; Norashikin Abdul Shukor
Subject: JEMPUTAN BAGI SAMBUTAN HARI WANITA 25 HB OGOS 2022
Attachments: Dato Abd Latif DG MPC NI.pdf; Proposed Names for Sambutan Hari Wanita 2022 NI.docx

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Merujuk kepada perbualan telefon berkenaan perkara seperti di atas.

Seperti yang dimaklumkan terdapat dua (2) meja yang akan disediakan dan nama adalah seperti dilampirkan.

Mohon En Wan Farid untuk mendapatkan kebenaran bertulis dari Dato KP bagi program ini dan juga mengesahkan nama yang dilampirkan.

Harap maklum dan terima kasih.

Norhasimah Ibrahim
Perbadanan Produktiviti Malaysia

OK. Bilalulka.

DATO' ABDUL LATIF HI ABU SEMAN
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)


CADANGAN SENARAI NAMA
SAMBUTAN HARI WANITA 2022
25 HB OGOS 2022, 9.30 PAGI – 1.00 TENGAHARI

DEWAN PERDANA FELDA

Meja 1

No.	Nama	Jawatan
1.	Dato' Abdul Latid Hj Abu Seman	Ketua Pengarah
2.	Tn. Hj. Zahid Ismail	Timbalan Ketua Pengarah
3.	Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah	Timbalan Ketua Pengarah
4.	En. Mohd. Yazid Abd Majid	Pengarah
5.	Pn. Wan Fazlin Nadia Wan Osman	Pengarah
6.	Dr. Mohamad Norjayadi Tamam	Pengarah
7.	Cik Norhasimah Ibrahim	Timbalan Pengarah
8.	Dr. Noor Aishah Hj Hassan	Sekretariat TWGFC
9.	Pn. Hafizoh Md Aris	Sekretariat TWGSDG
10.	Pn. Shanthini Tamadoram	Sekretariat TWGFC

Meja 2

No.	Nama	Jawatan
1.	Prof. Dato' Dr. Md Nasir Shamsudin	Pensyarah, Jabatan Perniagaan Tani & Ekonomi Sumber Bio, UPM
2.	Prof. Dato' Dr. Zulkifli Idrus	Pensyarah, Jabatan Perniagaan Tani & Ekonomi Sumber Bio, UPM
3.	Dato' Jeffrey Ng.	Presiden, Persatuan Peladang Ternakan Malaysia (FLFAM)
4.	Prof. Dr. Shaufique F.Sidique	Pengarah, Institut Kajian Perladangan, UPM
5.	Pn. Marianis Md Din	Ketua Penolong Setiausaha Kanan (DPS), MAFI
6.	En. Atan Sopian	Pengarah Urusetia, Majlis Tindakan Kebangsaan mengenai Kos Sara Hidup (NACCOL)
7.	Tn. Syed Zikri Syed Hasan Shabudin	Pensyarah, Jabatan Perniagaan Tani & Ekonomi Sumber Bio, UPM
8.	Dr. Sarena Che Omar	Pengarah Institut Penyelidikan Khazanah, KRI
9.	Pn. Fuziah Md. Amin	Pengarah, Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
10.	Cik Putri Dhia Natasha Yusof	Sekretariat TWGSDG

TWGFC-Technical Working Group Food Costs

TWGSDG-Technical Working Group Sustainable Development Growth



**MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN WANITA MALAYSIA
NATIONAL COUNCIL OF WOMEN'S ORGANISATIONS MALAYSIA (NCWO)
(MEMBER OF ASEAN CONFEDERATION OF WOMEN'S ORGANISATIONS)**

46, Jalan 14/29, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: (603) 7954 3008 Faks: (603) 7954 2881
Laman Web: www.ncwomalaysia.org.my E-mel: ncwohq@gmail.com

NCWO.OG.22/07/037

Tarikh: 27 Julai 2022

YBhg Dato Abdul Latif Hj Seman
Ketua Pengarah
Malaysia Productivity Corporation
Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan,
46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Assalamualaikum YBhg Dato,

JEMPUTAN DAN MOHON SOKONGAN SAMBUTAN HARI WANITA 25 HB OGOS 2022

Setiap tahun sejak 1962, NCWO merayakan Hari Wanita pada 25 hb Ogos, tarikh yang dipilih Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra. Tahun ini merupakan tahun ke 60 perayaan Hari Wanita dengan bertemakan "Keberanian Pelopor NCWO, Inspirasi Wanita Masa Kini" (*The courage of NCWO Trailblazers, an Inspiration to Women Today*).

2. Tema dipilih untuk memperingati generasi muda tentang perjuangan ibu-ibu terdahulu dan menjadikan keberanian mereka melangkaui zaman sebagai inspirasi kesinambungan perjuangan ke arah pembangunan, kesaksamaan dan keadilan bagi wanita dan keluarga. Pengkesahan tentang keberanian Ibu-ibu tersebut yang termasuk Tun Fatimah Hashim, Datuk FR Bhupalan dan Dato Ruby Lee akan dibukukan dan dilancarkan pada Hari Wanita.

3. YAB Perdana Menteri telah bersetuju menghadiri perayaan Hari Wanita bersama NCWO. Undangan telah pun di sembah maklum dibawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Majlis berlangsung seperti berikut:

Tarikh: Khamis 25 hb Ogos 2022

Waktu: Jam 9.30 pagi – 1.30 tengah hari

Tempat: Dewan Perdana FELDA

4. Dengan warkah ini saya berhasrat menjemput YBhg Dato dan ahli MPC terutama yang menganggotai TWG Food Cost dan TWG SDG ke majlis tersebut. Besarlah harapan saya MPC dapat menaja booth pameran bernilai RM10,000 yang menerangkan fungsi dan pencapaian PEMUDAH serta MyMudah. Ini adalah peluang keemasan kerana kami menjangka lebih 600 wanita dari segenap lapisan akan hadir di majlis sambutan Hari Wanita.

5. Untuk makluman YBhg Dato, NCWO mewakili wanita dari pelbagai keturunan, kumpulan etnik dan kebudayaan, agama dan kepercayaan, tahap pendidikan, status sosio-ekonomi, pekerjaan, ideologi politik, lokasi geografi dan minat. Sejarah NCWO sejak penubuhannya pada tahun 1963 mencerminkan kekuatan kepelbagaian dan dipenuhi dengan sumbangan sukarela yang merangkumi reformasi dasar, undang-undang dan perkhidmatan bagi memperkasa dan

• membangun taraf sosial, ekonomi dan kesejahteraan semua wanita. Tidak ketinggalan adalah sumbangan kepada keharmonian, perpaduan dan keselamatan negara.

• Besarlah harapan saya mendapat sokongan YBhg Dato dan pihak MPC. Semoga kehadiran YBhg Dato dan ahli MPC disambutan Hari Wanita akan memeriahkan lagi perayaannya. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada Puan Pin ncwohq@gmail.com

Terima kasih dan salam sejahtera.



Prof Emerita Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin,
Yang diPertua, NCWO